

PERLANTIKAN PENTADBIR HARTA PUSAKA SEBAGAI PENYELESAIAN
PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA

MUHAMMAD MUHAIZAN BIN ABDULLAH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PERLANTIKAN PENTADBIR HARTA PUSAKA SEBAGAI PENYELESAIAN
PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA

MUHAMMAD MUHAIZAN BIN ABDULLAH

Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi
Sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Geoinformasi Dan Harta Tanah
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2013

DEDIKASI

Insan Teristimewa

Ayahanda Hj. Abdullah bin Hj. Zulhasnan dan Bonda Samsiah binti Hod

Terima kasih di atas segala pengorbanan, dorongan dan doa kalian....

Tidak akan kulupakan bahkan menjadi kekuatan dan semangat buatku

Ku pohon doa restu dan keredhaanmu di dunia dan akhirat....

Buat isteri tersayang,

Segala galakan dan pengorbanan yang telah diberikan tidak dapat dibalas sepanjang hayat. Buat puteri tersayang, Nur Amna Najiha, jadikan ini sebagai satu cabaran dan

dorongan untuk mencapai kejayaan dalam ilmu pengetahuan.

Para Pensyarah dan Warga Pendidik yang ku hormati,

Terima kasih atas ilmu dan tunjuk ajar yang dicurahkan dan tidak dapat dibalas,

Halalkan segalanya.

Sahabat-sahabat dan rakan-rakan seperjuangan yang kuingati dan kenangi,

Segala kenangan dan kemesraan kita bersama dalam kursus ini akan kukuh dalam ingatan selamanya.

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Taala, Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ditujukan kepada junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W. Setinggi-tinggi rasa kesyukuran kepada Allah Yang Maha Agung kerana dengan izinNya telah memberikan kepada saya peluang dan kekuatan untuk menyiapkan Projek Sarjana ini. Sekalung budi dan terima kasih saya kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menyiapkan penulisan ini terutamanya kepada Dr. Khadijah Hussin, Prof Dr. Megat Mohd Ghazali Megat Abd Rahman, Prof Madya Mohammad Tahir Sabit, Prof Madya Mohd Zahib Bin Deraman, Dr. Rubiah Suratman, Prof Norhani, Dr. Nazri yang banyak memberikan tunjuk ajar dan sokongan. Penghargaan juga untuk individu-individu dan jabatan-jabatan yang terlibat membantu dalam memberikan maklumat dan pandangan dalam menyiapkan tugas ini. Akhir sekali diucapkan terima kasih kepada semua rakan seperjuangan dan sesungguhnya kenangan bersama kalian adalah satu memori indah yang tidak dapat dilupakan.

ABSTRAK

Maksud Firman Allah S.W.T dalam Surah al-Anbiya' 21:35 iaitu "Tiap-tiap diri akan merasai mati, dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cabaran; dan kepada kamilah kamu semua akan dikembalikan". Setiap yang hidup akan mati. Begitulah kesudahan hidup manusia di dunia sebagaimana yang telah ditakdirkan oleh Allah S.W.T. Apabila jenazah si mati selamat dikebumikan, tanggungjawab waris-waris seterusnya adalah membahagikan harta peninggalan si mati kepada waris-waris yang berhak dengan syarat terlebih dahulu iaitu i) menyelesaikan bayaran urusan pengebumian, ii) menjelaskan hutang-piutang si mati dan iii) menunaikan wasiatnya jika ada. Segerakan pembahagian pusaka kerana apabila seseorang itu meninggal dunia, secara automotik harta kepunyaan si mati berpindah hak kepada waris-waris. Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengkaji kefahaman masyarakat terhadap agensi-agensi yang diwujudkan dalam mengendalikan tuntutan pusaka di Malaysia dan seterusnya kefahaman terhadap perintah perlantikan pentadbir yang dikeluarkan oleh Seksyen Pembahagian Pusaka, JKPTG dikaji samada pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan harta pusaka ini memahami atau tidak. Data primer diperolehi melalui temubual dengan Pegawai Pusaka Kecil, pengamal undang-undang dan orangramai. Data sekunder pula diperolehi melalui pembacaan buku-buku teks, kertas seminar, kajian terdahulu, akta-akta, enakmen-enakmen dan pekeliling serta panduan yang terlibat dalam urusan pembahagian harta ini. Data ini telah dianalisis secara kualitatif dan deskriptif. Segala penemuan dan cadangan penyelesaian di dalam kajian ini dapat menjadi pemankin kepada pindaan undang-undang yang berkaitan dan memperkemaskan lagi sistem pengurusan harta pusaka di Malaysia.

ABSTRACT

The meaning of the Word of Allah in Surah al-Anbiya' 21:35 of "Every soul must taste death, and We try you by evil and by good by way of probation; and to Us you shall be brought back". Every human life will certainly die. That's the end of human life on earth as was destined by God. When the corpse of the deceased buried, next heirs responsibility is to divide the assets of the deceased to the heirs entitled, subject to the conditions that i) settlement of the funeral arrangements, ii) explaining the debts of the deceased and iii) fulfill his will, if any. Prompt division of inheritance is needed because when a person dies, the property will automatically transfer the rights belong to the deceased's heirs. This study was designed to examine understanding of the established agencies in dealing with inheritance claims in Malaysia and administrator's understanding of the order of appointment issued by the Small Estate Distribution Section, JKPTG examined whether the parties involved in the management of the estate is understand or vice versa. Primary data obtained through interviews with the Small Estates Officer, legal practitioners and the public. Secondary data were obtained through reading text books, seminar papers, previous studies, acts, enactments, circulars and guidelines involved in the distribution of the property. These data have been analyzed in qualitative and descriptive. Findings and proposed solutions in this study can be used to make an amendments to laws related to and enhance the system of estate management in Malaysia.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKASURAT
	PENGESAHAN PENYELIA	
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	<i>ABSTRACT</i>	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
1.	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan Masalah	2
	1.3 Matlamat dan Objektif Kajian	4
	1.4 Skop Kajian	5
	1.5 Kepentingan Kajian	7
	1.6 Metodologi Kajian	7
	1.7 Susunatur Bab	10

2.	PERINTAH PERLANTIKAN PENTADBIR DALAM PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA	
2.1	Pengenalan	12
2.2	Definisi Harta Pusaka	13
2.3.	Bidangkuasa Pentadbiran Harta Pusaka	13
2.4	Institusi Yang Mengendalikan Pembahagian Harta Pusaka Dan Undang-Undang Berkaitan	15
	2.4.1 Amanah Raya Berhad	16
	2.4.2 Seksyen Pembahagian Pusaka	17
	2.4.3 Mahkamah Tinggi	19
	2.4.3.1 Perlantikan Pentadbir	20
	2.4.3.2 Manual Prosedur Kerja Untuk Surat Kuasa Mentadbir & Probet	26
	2.4.4 Mahkamah Syariah	27
2.5	Kaedah Pembahagian Harta Pusaka	28
	2.5.1 Kaedah Pembahagian Secara Hukum Syarak	29
	2.5.1.1 Definisi Faraid.	30
	2.5.2 Kaedah Pembahagian Mengikut Akta Pembahagian 1958 (Akta 300)	30
	2.5.2.1 Aspek Kadar Pembahagian	32
2.6	Jenis-jenis Perintah Yang Dikeluarkan di Seksyen Pembahagian Pusaka	33
2.7	Peranan Seksyen Pembahagian Pusaka JKPTG	36
2.8	Sekatan Kepentingan Hakmilik Tanah GSA 1960	38
2.9	Cara Pembahagian Harta Pusaka Tanah Dibawah GSA 1960	39
2.10	Kesimpulan	44

3. KAWASAN KAJIAN

3.1	Pengenalan	45
3.2	Latar Belakang Seksyen Pembahagian Pusaka	45
3.3	Kawasan Kajian: Unit Pembahagian Pusaka Kedah Selatan	49
3.3.1	Organisasi UPP Kedah Selatan	49
3.3.2	Punca kuasa/Bidangkuasa UPP	51
3.4	Pemberian Surat Kuasa Mentadbir	55
3.4.1	Kriteria Pentadbir Yang Hendak Dilantik	55
3.4.2	Asas Perlantikan Pentadbir	56
3.4.3	Keadaan-Keadaan Di Mana Perlantikan Pentadbir Diperlukan.	58
3.4.4	Contoh-contoh Kes Pemberian Surat Kuasa Mentadbir	59
3.5	Kesimpulan	62

4. ANALISIS KAJIAN

4.1	Pengenalan	63
4.2	Kaedah Pengumpulan Data	63
4.3	Sampel dan Responden	65
4.4	Kaedah Analisa Data	65
4.5	Analisis Data	66
4.5.1	Latar Belakang Responden	66
4.5.2	Kewujudan Akta Harta Pusaka Kecil & GSA	71
4.5.3	Analisa Kadar Pilihan Dalam Pembahagian Harta Pusaka	74
4.5.4	Analisa Isu Tahap Kefahaman Fungsi Sebagai Pentadbir	75
4.5.5	Pendapat Pegawai Pusaka dan Pengamal Undang-Undang	77
4.6	Kesimpulan	81

5. RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	82
5.2	Penemuan Kajian	82
5.3	Rumusan Kajian	84
5.4	Cadangan Kajian	86
5.5	Limitasi Kajian	91
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	92
5.7	Kesimpulan	94

BIBLIOGRAFI	95
--------------------	----

SENARAI JADUAL

NO.JADUAL	TAJUK	M/S
3.1	Jumlah permohonan pembahagian Pusaka Kecil Seluruh Semenanjung Malaysia dari tahun 2005-2011	53
3.2	Perbandingan jumlah permohonan dan penyelesaian UPP Kedah Selatan dari tahun 2009-2012	54

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	M/S
1.1	Carta Alir Metodologi Kajian	9
3.1	Carta Organisasi Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil	47
3.2	Carta Perjawatan Seksyen Pembahagian Pusaka	48
3.3	Carta Organisasi Unit Pembahagian Pusaka Kedah Selatan	50
3.4	Perbandingan jumlah permohonan dan penyelesaian dari tahun 2009-2012	54
4.1	Jantina Responden	67
4.2	Pecahan Umur	68
4.3	Peratusan Pelanggan Mengikut Bangsa	69
4.4	Anutan Agama	70
4.5	Kadar Tahap Pendidikan Waris/Pentadbir	71
4.6	Tahap Pengetahuan Terhadap Akta	72
4.7	Tahap Pengetahuan Terhadap Bidangkuasa	72
4.8	Kadar Pilihan Dalam Pembahagian Harta Pusaka	74
4.9	Tahap Kefahaman/Pengetahuan Tugas Sebagai Pentadbir	77

SENARAI SINGKATAN

JKPTG	Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian
KTN	Kanun Tanah Negara
AHPK	Akta Harta Pusaka Kecil
GSA	Group Settlement Area Act
APP	Akta Probet & Pentadbiran
KKM	Kaedah-Kaedah Mahkamah
SSP	Seksyen Pembahagian Pusaka
UPP	Unit Pembahagian Pusaka
KPP	Ketua Penolong Pengarah
PPK	Penolong Pengarah Kanan
PP	Penolong Pengarah
PT	Pembantu Tadbir
PN	Penghantar Notis
SAW	Sallallahu Alaihi Wassalam
SWT	Subhanahu Wa Taala
SKM	Surat Kuasa Mentadbir
SP	Saman Pemula
PKP	Penolong Kanan Pendaftar
PTU	Pembantu Tadbir Undang-Undang

SENARAI LAMPIRAN**LAMPIRAN****TAJUK**

- | | |
|---|--|
| A | Borang Soal Selidik |
| B | Soalan Temuduga |
| C | Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam Akta Pembahagian Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (AHPK), harta pusaka boleh ditakrifkan sebagai harta pusaka peninggalan simati yang telah meninggal dunia yang tidak mempunyai wasiat. Di bawah Akta ini juga adalah menjadi syarat utama dalam memproses permohonan harta pusaka adalah mesti mempunyai harta tak alih dan boleh disertakan dengan harta alih yang mana nilai keseluruhan mestilah tidak melebihi RM2,000,000-00. Akta ini sebenarnya bagi menggariskan bidangkuasa Pejabat Pembahagian Pusaka dalam penyelesaian harta pusaka di negara kita.

Harta tak alih di sini adalah merujuk kepada Tanah yang mana menurut definisi tanah dalam Kanun Tanah Negara, Seksyen 5 antara lain adalah bermaksud permukaan bumi dan apa yang ada melekat di atasnya, di bawah muka bumi, segala tumbuhan atas mukabumi dan tanah yang diliputi air. Dalam tafsiran Seksyen 3 dalam Akta Tafsiran memberi maksud sebagai tanah, apa-apa kepentingan yang didapati dari tanah. Huraian ini dijelaskan melalui Pekeliling KPTG Bil 18/1976 yang menyatakan “harta tak alih” termasuk pegangan yang dimaksudkan oleh Land (GSA) Act 1960 melalui perenggan 3(a) (Sulaiman bin Kadimin, 2002). Tanah rancangan Felda ini termasuk dalam definisi ini dan jika sekiranya berlaku kematian kepada peneroka, maka seharusnya ia terikat untuk menyelesaikan pusaka melalui Akta Pembahagian Harta Pusaka Kecil 1955 di Pejabat Tanah atau Pejabat Pembahagian Pusaka Kecil.

Sebenarnya agensi yang terlibat secara langsung dalam pengurusan harta pusaka di negara kita adalah Mahkamah Tinggi, Amanah Raya Berhad dan juga Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) menerusi Seksyen Pembahagian Harta Pusaka. Penulis akan menghuraikan bidangkuasa agensi-agensi tersebut secara terperinci dalam Bab 2.

1.2 Penyataan Masalah

Pemberian Surat Kuasa Mentadbir (Borang F) adalah salah satu jenis perintah yang dikeluarkan oleh Unit Pembahagian Pusaka (UPP) dibawah Seksyen Pembahagian Pusaka di Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian (Persekutuan) selain Perintah Pembahagian (Borang E). Surat Kuasa Mentadbir (UPP) dikeluarkan adalah bergantung kepada fakta sesuatu kes tersebut. Di antara sebab mengapa Surat Kuasa Mentadbir dikeluarkan berbanding dengan Perintah Pembahagian adalah seperti berikut, inter alia:-

1. Si mati mempunyai hutang yang belum diselesaikan samada dengan institusi kewangan, termasuk harta simati masih lagi tertakluk kepada gadaian, orang perseorangan dan lain-lain.
2. Tiada persepakatan di antara waris dan perlu perbincangan lanjut.
3. Ada tuntutan harta sepencharian, wasiat, hibah, nasab dan sebagainya.
4. Waris hilang, tidak dapat dikesan dan lain-lain.
5. Lain-lain tujuan yg difikirkan perlu.

Salah satu isu yang menjadi dilema di Unit Pembahagian Pusaka ialah permohonan ulang bicara untuk membatalkan pentadbir di atas tanah- tanah GSA terutamanya yang berkaitan dengan tanah Felda. Seringkali aduan diterima yang melibatkan pentadbir yang dilantik tidak mengagihkan hasil pendapatan atau sebarang pendapatan yang terbit daripada pengusahaan tanah tersebut kepada semua ahli waris yang telah ditentukan dalam senarai waris yang telah dinyatakan dengan terperinci beserta syer atau pecahan bahagian setiap waris yang menuntut di dalam Surat Kuasa Mentadbir yang telah dikeluarkan. Masalah ini timbul ekoran daripada ketidakfahaman tentang perlantikan pentadbir tersebut.

Isu ini juga timbul berikutan pentadbir yang dilantik melalui Perintah Surat Kuasa Mentadbir lebih dari seorang. Ini adalah kerana undang-undang membenarkan perlantikan pentadbir sehingga 4 orang. Adakah pentadbir-pentadbir ini akan menjalankan tanggungjawab secara bersama? Apakah tindakan pihak pengurusan Felda dalam kes yang berkenaan? Adakah terdapat satu lagi formaliti /prosedur yang akan dijalankan oleh pihak pengurusan Felda terhadap pentadbir-pentadbir ini memandangkan seorang pentadbir sahaja akan dinyatakan di dalam slip gaji bagi pihak simati berkenaan.

Pada asasnya, bagi kes yang mana semua ahli waris bersetuju tentang perlantikan pentadbir dan cara pembahagian hasil pendapatan, pegawai pusaka akan mengeluarkan Perintah Surat Kuasa Mentadbir kepada pentadbir tersebut beserta catatan berkaitan cara pembahagian hasil pendapatan. Pentadbir tersebut akan melaksanakan tugas sebagai pentadbir/pengurus memandangkan namanya yang tercatat di dalam slip gaji sebagai penerima ganti kepada si mati. Pentadbir yang dilantik tersebut akan membahagikan segala hasil pendapatan yang diterimanya kepada semua waris yang disenaraikan dengan amanah setelah ditolak segala kos yang dipersetujui oleh semua ahli waris.

Dalam aspek pembahagian hasil pendapatan ini pula, cara pembayarannya adalah amat bergantung kepada perbincangan yang dibuat oleh semua ahli waris yang dinyatakan di dalam Surat Kuasa Mentadbir tersebut samada dibayar secara bulanan, tahunan dan sebagainya. Ada juga kalangan waris yg disenaraikan sebagai penerima di dalam Surat Kuasa Mentadbir membuat arahan kepada pentadbir supaya hasil pendapatan yang sepatutnya diterima olehnya, diberikan terlebih dahulu kepada ibu mereka semasa hayat ibu mereka atau sebagainya. Dalam hal ini, pentadbir haruslah mengikut kehendak ahli waris tersebut dari semasa ke semasa dalam membuat pembayaran hasil pendapatan di kalangan waris-waris tersebut.

Pada kebiasaanya, surat kuasa tadbir (LA) hanya dikeluarkan hanya kepada seorang sahaja Pentadbir, namun banyak rungutan diterima daripada ahli waris dan pihak pengurusan FELDA berhubung tindakan pentadbir yang tidak amanah dalam menjalankan pentadbiran harta pusaka si mati yang ditadbirnya sehingga pendapatan

daripada hasil ladang/harta pusaka si mati, tidak dibahagikan kepada ahli-ahli waris yang lain. Dengan kata lain, Pentadbir gagal menguruskan inventori harta yang ditadbir dengan baik mengikut syarat-syarat perlantikan pentadbir di bawah Akta harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955.

Dari segi perwarisan hak simati ini kepada waris-waris, jika sekiranya simati itu seorang Islam sudah pasti akan ada pertembungan hak dari segi pembahagian harta pusaka tanah ini antara Undang-undang Syarak dan Undang-undang GSA. Manakala bagi Orang bukan Islam pula, dilihat pertembungan akan berlaku dengan Undang-undang Pembahagian 1958. Pertentangan ini akan dilihat oleh penulis secara terperinci dan perlantikan Surat Kuasa Mentadbir adalah salah satu penyelesaian yang telah diperuntukkan undang-undang.

Permasalahan yang penulis utarakan di atas adalah salah satu senario masyarakat yang wujud masakini. Dalam kajian ini, penulis tidak membataskan skop kajian kepada tanah-tanah GSA sahaja, bahkan penulis akan menyentuh keseluruhan aspek dalam pemberian Surat Kuasa Mentadbir yang dikeluarkan oleh Unit Pembahagian Pusaka Kecil Malaysia.

1.3 Matlamat dan Objektif Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk menyelesaikan kes pembahagian tanah pusaka di bawah undang-undang Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan memenuhi kehendak semua waris berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada pada masa kini.

Di antara objektif kajian ini adalah seperti berikut:-

- i) Mengenalpasti institusi-institusi dan kaedah-kaedah pembahagian pusaka.
- ii) Mengkaji peranan Unit Pembahagian Pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian dalam Pembahagian Pusaka.

- iii) Mengkaji tahap pemahaman perintah perlantikan 'Pentadbir' dalam pembahagian harta pusaka.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini secara khususnya dilaksanakan di bawah bidangkuasa Seksyen Pembahagian Pusaka sahaja. Kajian ini dilihat sangat penting supaya pemahaman orang ramai berkaitan pemberian Surat Kuasa Mentadbir dapat diukur dan diperhalusi.

Melalui kajian perpustakaan yang dibuat, penulis telah mendapati telah ada kajian-kajian terdahulu berkaitan harta pusaka dengan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 tetapi kajian yang dibuat ini mempunyai pendekatan dan aspek yang berbeza seperti yang dinyatakan di atas.

Salah satu kajian yang didapati mengkaji berkaitan harta pusaka dengan pentadbiran GSA adalah Mohd Yassin Bin Mohd Yusuf. Tajuk kajian beliau adalah Pentadbiran Harta Pusaka GSA dalam Pentadbiran Tanah Negara (2010). Matlamat penulisan kajian beliau adalah untuk mengkaji cadangan menyelesaikan masalah Harta Pusaka Orang Islam dalam Akta Tanah GSA 1960 dan mengkaji percanggahan peruntukan undang-undang Tanah GSA 1960 dengan Hukum Faraid dan beliau mencadangkan satu kaedah penyelesaian masalah Pusaka Tanah GSA 1960.

Penulis Baharuddin Bin Aziz (2009) telah membuat kajian bertajuk Takharuj Dalam Pembahagian Pusaka Islam: Kajian Di Daerah Kota Setar. Beliau menekankan salah satu kaedah pembahagian harta pusaka iaitu konsep Takharuj. Kajian ini tidak menyentuh tentang perintah perlantikan pentadbir seperti apa yang dikaji oleh penulis.

Dalam kajian bertajuk "The Principles of Mirath in Islam and its application in the administration and distribution of muslim intestates in Peninsular Malaysia

with special reference to the Group Settlement Land” oleh Wan Noraini binti Mohd Salim (1993), penulis ini hanya menekankan tentang konsep perwarisan bagi orang Islam sahaja dan juga menghuraikan tentang pertentangan yang wujud antara undang-undang GSA dengan konsep pembahagian harta orang Islam. Pada ketika itu, Seksyen 16 GSA menyatakan jika berlaku kematian, hanya satu nama boleh digantikan dan tidak lebih dari itu. Di dalam tulisannya hanya menekankan konsep pembahagian dari perspektif undang-undang dan pendapat dari empat mazhab terhadap kaedah pembahagian secara Hukum Faraid. Matlamat kajian ini dilaksanakan adalah untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagi generasi kedua Felda dalam kes pembahagian pusaka tanah di bawah undang-undang GSA dan memenuhi kehendak semua waris berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada pada masa kini. Beliau juga menghuraikan kaedah-kaedah pembahagian pusaka bagi tanah felda di bawah GSA dan mengenalpasti peranan pihak pengurusan Felda dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian menerusi Seksyen Pembahagian Pusaka dalam membantu waris-waris berkaitan pembahagian harta pusaka.

Semua kajian yang dinyatakan di atas dan mungkin ada kajian-kajian lain telah dibuat berkaitan dengan pengurusan harta pusaka, penulis menegaskan bahawa kajian yang dibuat ini berbeza dari segi pendekatan, senario dan kawasan kajian yang berbeza. Kajian ini akan dibuat bagi kes orang Islam dan bukan Islam yang telah meninggal dunia berkaitan dengan perintah perlantikan pentadbir berikutan undang-undang perwarisan secara Syarak dan juga Akta Pembahagian 1958. Penulis tidak akan menyentuh perwarisan harta-harta pusaka yang di bawah kuasa Mahkamah Tinggi dan juga Amanah Raya Berhad.

1.5 Kepentingan Kajian.

Kepentingan kajian ini perlu dijalankan di mana ianya akan memberi manfaat dan faedah sepertimana berikut:

- i) Dengan hasil daripada kajian ini akan dapat menjadi garis panduan kepada pihak Pengurusan Tanah-tanah Rancangan, peneroka-peneroka, ahli-ahli waris, pengamal undang-undang dan orang ramai secara umumnya berkaitan bidang kuasa agensi-agensi yang terlibat dalam pembahagian harta pusaka seterusnya perintah-perintah pembahagian yang dikeluarkan.
- ii) Daripada hasil kajian ini, tahap pemahaman orang ramai berkaitan perintah perlantikan 'Pentadbir' dalam pembahagian harta pusaka dapat diukur.
- iii) Hasil kajian ini juga, cadangan penyelesaian secara bersepadu akan dinyatakan supaya perintah perlantikan pentadbir dapat difahami dengan mengambil kira sudut pandangan dari segi hukum Syarak/Akta Pembahagian dan dalam memenuhi objektif kajian ini.

1.6 Metodologi Kajian

Di dalam menjalankan kajian ini, terdapat lima peringkat kajian yang telah dikenalpasti di dalam proses penyediaan laporan ini iaitu peringkat kajian awalan, kajian teori, pengumpulan maklumat, analisis serta peringkat rumusan dan cadangan.

a) Peringkat 1: Kajian Awalan

Peringkat pertama ini merupakan peringkat pengenalan dan juga pembentukan rangka kerja penyelidikan bagi memudahkan kajian yang akan dijalankan secara keseluruhannya. Pada peringkat ini pemahaman awal terhadap permasalahan akan di kaji dan dikupas. Setelah itu, pengkaji akan mengenal pasti isu

dan masalah yang timbul dan seterusnya matlamat, objektif dan skop kajian akan dibentuk agar dapat memandu dan membatasi kajian ini. Pengkaji juga akan menentukan kawasan kajian untuk membolehkan kajian ini dilaksanakan dengan lebih jelas dan efisien.

b) Peringkat 2 : Kajian Literatur

Pada peringkat ini, penekanan akan diberikan terhadap pembacaan dan rujukan terhadap data-data sekunder. Pengkaji akan mengenal pasti secara mendalam aspek-aspek yang berkaitan melalui artikel jurnal, buku-buku ilmiah, laporan-laporan kerajaan, akhbar, tesis, pencarian melalui internet, majalah dan sebagainya.

c) Peringkat 3 : Kajian Lapangan


Pengumpulan maklumat bagi kajian ini melibatkan pengumpulan data primer di mana data primer ini akan dibuat melalui kaedah soal selidik di mana satu kajian kaji selidik berstruktur di kalangan pemohon pusaka di Unit Pembahagian Pusaka Kedah Selatan akan dilakukan.

d) Peringkat 4 : Penganalisan Data

Pada peringkat analisis ini, satu kaedah analisis akan digunakan untuk tujuan memproses maklumat yang telah dikumpul iaitu dengan menggunakan sampel, kajian akan menggunakan persampelan Rawak Mudah. Seterusnya data-data tersebut akan diproses, dikumpul dan diperolehi daripada soal selidik akan dianalisa secara kualitatif. Melalui kaedah ini, pendapat majoriti akan diperolehi.

e) Peringkat 5 : Rumusan & Cadangan

Hasil akhir penyelidikan akan menghasilkan satu rumusan mengenai kajian yang telah dijalankan. Penulis akan memberikan cadangan lanjutan bagi kesinambungan pada kajian-kajian yang akan datang.



Rajah 1.1 : Carta Alir Metodologi Kajian.

1.7 Susunatur Bab

Di dalam menjalankan kajian, penulisan yang akan dilakukan akan dibahagikan kepada lima bab atau bahagian. Pembahagian bab-bab ini akan dilakukan mengikut keutamaan dan langkah yang akan dilakukan di dalam kajian ini. Berikut adalah pengagihan atau keutamaan bab yang akan dibuat di dalam penulisan ini.

a) Bab Pertama : Pendahuluan

Bab pertama akan menerangkan dan membincangkan aspek-aspek seperti pengenalan, pernyataan masalah, objektif, matlamat, kepentingan, skop dan metodologi kajian. Penjelasan yang jelas juga dibuat berhubung dengan permasalahan sebenar kajian serta gambaran mengenai kajian yang akan dilakukan.

b) Bab Kedua : Pengurusan Pembahagian Harta Pusaka

Bab ini akan mendefinisikan beberapa perkara yang berkaitan dengan kaedah pembahagian harta pusaka sama ada untuk orang-orang Islam ataupun untuk bukan Islam di Semenanjung Malaysia. Pada peringkat ini, penekanan akan diberikan terhadap apakah peruntukan Undang-undang pembahagian harta pusaka yang dipraktikkan di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Selain daripada itu, disentuh juga tentang perbezaan bidangkuasa badan-badan yang berkenaan dan secara khususnya berkaitan perintah perlantikan Pentadbir. Semua maklumat akan diperolehi melalui pembacaan dan rujukan terhadap data-data sekunder akan dibuat secara kajian perpustakaan. Pengkaji akan mengenal pasti secara mendalam aspek-aspek yang berkaitan melalui artikel jurnal, buku-buku ilmiah, laporan-laporan kerajaan, akhbar, tesis, pencarian melalui internet, majalah dan sebagainya.

c) **Bab Tiga : Kawasan Kajian**

Di dalam bab ini, penulis akan menghuraikan peranan Unit Pembahagian Pusaka Kedah Selatan di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (P) dalam menyelesaikan permohonan pembahagian harta pusaka. Seterusnya, penulis juga akan mengutarakan 4 contoh kes yang telah selesai dibicarakan dan penulis membuat ulasan/justifikasi ke atas kes-kes tersebut.

d) **Metodologi dan Analisa Data**

Pengumpulan maklumat bagi kajian ini melibatkan pengumpulan data primer dan sekunder. Pengumpulan data primer akan dibuat melalui '*Survey Method*' iaitu kajian soal selidik di kalangan waris/pentadbir pusaka yang dikenalpasti. Untuk tujuan pengumpulan data-data primer yang memerlukan kaedah persampelan (soal selidik), beberapa perkara perlu ditentukan seperti saiz sampel, agihan sampel dan cara bagi menjalankan soal-selidik. Penulis juga menggunakan kaedah kualitatif melalui data-data yang dapat melalui temubual dengan pegawai-pegawai pusaka untuk mengenal pasti pemahaman dan cadangan yang boleh diambil berkaitan dengan pemberian Surat Kuasa Mentadbir. Kriteria-kriteria yang akan diambil kira oleh waris/pentadbir pusaka sebelum membuat pembahagian harta pusaka juga akan dikenalpasti hasil daripada soal selidik yang dijalankan. Soal selidik akan dijalankan ke atas waris/pentadbir di Unit Pembahagian Pusaka Kedah Selatan.

e) **Bab Lima : Penemuan Dan Cadangan**

Bab akhir ini akan memberikan cadangan berdasarkan analisis serta penemuan di dalam bab sebelum ini. Selain dari itu, pandangan serta cadangan dari pihak responden juga akan diambil kira di dalam merangka cadangan serta rumusan keseluruhan kajian ini.

BIBLIOGRAFI

- Al Quranul Karim 30 Juzuk(2000), cetakan kesebelas, Kuala Lumpur, Darul Fikir.
- Abdul Rashid Hj Abdul Latiff (1987), *Undang-Undang Pusaka Dalam Islam- Suatu Kajian Perbandingan*, Kuala Lumpur, Penerbitan Hizbi Dan Al- Hidayah Publish.
- Abdul Monir Yaacob & Mohd Fauzi Mustaffa, 1999, *Pentadbiran Harta Menurut Islam*, Kuala Lumpur:Institut Kefahaman Islam Malaysia
- Haji Abdul Kadir Bin Haji Ismail(1983), *Sistem Pusaka Islam*, Kuala Lumpur, Yayasan Dakwah Islamiah.
- Haji Said Haji Ibrahim (1995), *Sistem Pembahagian Pusaka Dalam Islam*, Kuala Lumpur, Jabatan Perdana Menteri.
- Hj Othman Yaacob(2006), *Pembentukan Trust Hibah Sebagai Alternatif Perancangan Harta*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muhammad Ali As-Sobuniy (2004), *Hukum-Hukum Warisan*, Kuala Lumpur, Al Hidayah Publishers.
- Muhammad Idris Abdul Rauf Al Marbawi, Cetakan Ketiga (1998), *Kamus Arab-Melayu*, Kuala Lumpur, Darul An Nukman.
- Mohd Fitri Abdul Rahman, (2007), *Bagaimana Mengurus Harta Pusaka*, Selangor, PTS Profesional.
- Pawancheek Marican (2008), *Islamic Inheritance Laws In Malaysia 2nd Edition*, Petaling Jaya, Malayan Law Journal Sdn Bhd.
- Professor Ahmad Ibrahim (1975), *Islamic Law In Malaysia*, Singapore.
- Ridzuan Awang (1994), *Undang-Undang Tanah Islam-Pendekatan Perbandingan*, Kuala Lumpur, DBP.
- Salleh Buang (2007), *Malaysian Torrens System - Second Edition*, Kuala Lumpur DBP.

- Shamsuddin Suhor (2008), *Anak Angkat Dan Undang-Undang*, Kuala Lumpur, DBP.
- Siti Mashitoh Mahamood (2006), *Undang-Undang Dan Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya
- Siti Zalikah Md Nor (1996), *Pemilikan Harta Dalam Perkahwinan*, Kuala Lumpur, DBP.
- Tafsir Pimpinan Al-Rahman, 1995. Cetakan Keenam. Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur,.
- Wan Abdul Halim Wan Harun (2006), *Pengurusan Dan Pembahagian Harta Pusaka*, Kuala Lumpur, DBP.
- Wan Abdul Halim Wan Harun (2011), *Mengurus Harta Pusaka Asas Pembahagian Harta Cara Faraid*, Selangor, PTS Profesional.

TEKS UCAPAN SYARAHAN DAN NOTA SEMINAR.

- Abdullah bin Muhammad (2007), *Ke Arah Penyelesaian Harta Pusaka Kecil Yang Lebih Bersepadu Cekap Dan Cemerlang*, dalam Konvensyen Perwarisan Harta Islam 2007, Kuala Lumpur.
- Abdullah bin Muhammad (2006), *Isu-isu dan masalah-masalah dalam pembahagian Pusaka Kecil. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*. Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah(KIPSAS)
- Abdullah bin Muhammad (2006), *Seminar Penyelesaian Pusaka Kecil bagi Penghulu/Penggawa Kali ke-2*. Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN), Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.
- Hj Muhammad bin Hj Burok (2001), *Administration Of Muslim Property & Estate Distribution Course* , Birt Conference Room, Menara Tun Razak,” Kuala Lumpur.

- Kertas Seminar Tn Haji Sulaiman bin Kadimin (2006), *Pembahagian Harta Orang-orang Yang Telah Mati dan Mempunyai Tanah di Bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) Tahun 1960* , di dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam, Malaysia, oleh Jabatan Syariah,UKM.
- Kertas Seminar Zulkifli Mohammad & Nik Yusri Musa (2006), *Harta Sepencarian Tanah Rancangan Felda*, di dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam, Malaysia, oleh Jabatan Syariah,UKM.
- Nota Kursus oleh Seksyen Pembahagian Harta Pusaka JKPTG(2009), *Akta Pembahagian 1958, Kursus Pembahagian Harta Pusaka Kecil Rancangan Tanam Baru Berkelompok(RTBB)*, Kuala Lumpur.
- Nota Kursus Pembahagian Pusaka Kecil Rancangan Tanam baru Berkelompok(RTBB), *Akta Pembahagian 1958*, Diterbit oleh Seksyen Pembahagian Pusaka, JKPTG Kuala Lumpur.
- Sulaiman bin Kadimin (2002), *Pembahagian Harta Orang-orang Yang Telah Mati dan Mempunyai Tanah di Bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) Tahun 1960*” Di dalam Taklimat Perundangan Harta Pusaka Kecil pada 11 hingga 14 Jun 2002

TESIS

- Baharuddin Bin Aziz (2009), *Takharuj Dalam Pembahagian Pusaka Islam: kajian Di Daerah Kota Setar*. Ijazah Sarjana, UTM, Skudai, Johor
- Low Siong Khim (2007), *Hakmilik Tanah GSA Felda Dan Isu Kelewatan Pengeluarannya. Kajian Kes Tanah Rancangan Felda Di Johor*. Ijazah Sarjana, UTM, Skudai, Johor.
- Maimun Tuan Mat pada tahun (1982) bertajuk *Satu kajian tentang Sistem Perwarisan Felda- Dengan merujuk kepada Pesaka Islam*, Ijazah Sarjana Muda, UM, Kuala Lumpur.
- Mohd Yassin Bin Mohd Yusuf (2010), *Pentadbiran Harta Pusaka GSA dalam Pentadbiran Tanah Negara*, Ijazah Sarjana, UTM, Skudai, Johor

Suhaimi bin Haji Mamat(2000), *Halangan Perolehan Tanah Untuk Maksud Pembangunan. Kajian Kes Terhadap Sikap Tuan Tanah Di Felda Sendayan Negeri Sembilan*. Ijazah, Sarjana, UTM, Skudai, Johor.

Wan Noraini Binti Mohd Salim(1993), *The Principal Of Mirath In Islam And Its Application In The Administration And Distribution Of Muslim Intestate Estate in Peninsular Malaysia With Special Reference To The Group Settlement land*, Ijazah Sarjana, UIA, Gombak, Kuala Lumpur.

JURNAL

Current law Journal (2004) 1 CLJ January-March, The Malaysian Current law Journal.

Haji Abdullah bin Muhammad (2002), *Pentadbiran Dan Pengurusan Harta Pusaka Kecil di Malaysia*, Jurnal Tanah, Persatuan Pengurusan Tanah Malaysia.

The Malayan Law Journal (2002) 3 MLJ August 2002.

KES MAHKAMAH

Long Pines Enterprise v. Beeran Kutty Yusof [1999] 1 CLJ 278

Manian Kandasamy v. Pentadbir Tanah daerah raub & Anor [2011] 7 CLJ 583

Yaacob Mein lwn. Mohd Rashid Tandang & Lagi [1993] 4 CLJ 240

Chor Phaik Har v. Farlim Properties Sdn Bhd. [1994] 4 CLJ 285

Akta-Akta dan Pekeliling-Pekeliling.

Adoption Act 1952 (Revised 1981)

Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) & Peraturan-peraturan.

Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976

Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Akta 388)

Distribution Act 1958 (Act 300)

Kanun Tanah Negara 1965(Akta 56/1965)

Land (Group Settlement Areas) Act 1960(Act 530)

Legitimacy Act 1961 (Act 60)

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bil 1/2004

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bil 2/2003

Pekeliling KPTG Bil 18/1976

Perlembagaan Persekutuan

Internet

www.kptg.gov.my

www.felda.net

www.utusan.online

www.bharian.online

<http://www.ehomemakers.net>

<http://infad.usim.edu.my>

<http://www.dromoz.com>

<http://blogs.udm.edu.my>

<http://www.johorebar.org.my>

<http://www.bernama.com.my>